

Ek

ECONEWS

PM BIMBANG DENGAN SIKAP PELABUR TEMPATAN

KUALA LUMPUR, 7 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyatakan rasa bimbangya terhadap sikap pelabur Malaysia yang kebanyakannya membeli saham hanya untuk keuntungan jangka singkat.

"Saya bimbang mereka membeli saham bukan kerana dividen sebab mereka memikirkan sekiranya mereka membeli pada awalnya, nilai saham akan naik dan menjualnya untuk meraih untung. Mereka bukan melabur," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri taklimat Kumpulan Industri Malaysia-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Kumpulan Perundingan Komanwel dan Pengurusan Teknologi-Rakan Kongsi Sektor Swasta di sini.

Beliau berkata kaedah pemikiran untuk melabur tidak ada dan terdapat sesetengah pelabur hanya berminat mengaut untung cepat saja. "Mereka bukannya pelabur sebenar," katanya.

Menqulas mengenai pusat pungutan baru yang diadakan bagi terbitan saham Hicom Holdings Bhd, Perdana Menteri berkata dengan adanya banyak terbitan baru, semua ingin mendapatkan sebahagian saham.

MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn Bhd mengumumkan Sabtu lepas bahawa ia telah memindahkan pusat pungutannya bagi permohonan saham Hicom dari bangunan MIDF di Jalan Tun Razak ke padang letak kereta Stadium Merdeka.

Pengurus Besarnya, Ahmad Abu Bakar berkata langkah itu diambil hasil penqalaman penyerahan borang permohonan saham Petronas Dagangan, yang telah mengakibatkan kesesakan lalu lintas di Jalan Tun Razak.

Ahmad menasihati pelabur mengemukakan permohonan saham Hicom secara persendirian di pusat pungutan baru di padang letak kereta Stadium Merdeka mulai 7 Feb hingga 13 Feb dari 9.30 pagi hingga 7.30 malam. Pada 14 Feb, iaitu tarikh terakhir, ia akan dibuka mulai pukul 7.30 pagi hingga 12 tengah hari. Pusat pungutan itu akan ditutup pada 10 Feb.

Mengenai, MIGHT, Dr Mahathir berkata penubuhannya tepat pada masanya dan harus dipuji. MIGHT telah ditubuhkan tahun lepas untuk menerokai peluang perniagaan untuk Malaysia melalui eksploitasi teknologi strategik bagi mencapai matlamat Wawasan 2020.

"Malaysia sentiasa menyokong ide MIGHT dan saya gembira ia bukan sahaja terhad di Malaysia tetapi juga meliputi ke negara-negara Komawel," katanya.

Beliau berkata MIGHT mesti membabitkan penyertaan sebanyak mungkin syarikat Malaysia untuk mendapatkan pendapat berbeza-beza.

Keanggotaan yang meluas akan meningkatkan peluang perniagaan baru, kata Perdana Menteri sambil menjelaskan bahawa minat yang ditunjukkan oleh sektor swasta sungguh menggalakkan.

Beliau berkata MIGHT merupakan satu hasil daripada ide yang boleh membuka jalan kepada usaha mencari keuntungan daripada perkongsian teknologi, kepakaran dan pengetahuan dari negara-negara lain.

Penqerusi bersama MIGHT, Datuk Dr Omar Abdul Rahman berkata MIGHT akan terus menggalakkan dan menganjurkan forum perniagaan dan mengadakan rundingan tahunan di samping kegiatan lain untuk menggerakkan konsep "perkongsian bijak".

Beberapa pelabur asing telah menemui syarikat-syarikat Malaysia untuk mengadakan projek usahasama, katanya.

Pada masa yang sama, negara-negara yang mendapatkan bantuan dari Malaysia ialah Cyprus, Malta, Afrika Selatan dan Zimbabwe.

Omar berkata MIGHT sering mencari ide dan pendekatan baru untuk mencapai matlamatnya. -- Bernama